

WAD penjagaan kaki ini juga adalah bertujuan untuk penyelidikan.



Buang stigma potong kaki

DLABETES *mellitus* (DM) atau kencing manis merupakan penyakit yang menular dalam masyarakat masa kini. Dianggarkan lebih 170 juta orang telah menghidap diabetes di seluruh dunia dan dijangka meningkat kepada 300 juta menjelang 2025.

Umum mengetahui kencing manis merupakan masalah kesihatan yang menyebabkan darah penghidapnya lebih likat berbanding darah biasa kerana kandungan paras gula (glukosa) yang tinggi.

Lebih parah lagi apabila penghidap ini mengalami luka kecil pada kaki yang menyebabkan penghidapnya sukar untuk segera sembuh.

Luka yang dibiarkan tanpa rawatan susulan akan mengakibatkan jangkitan kuman yang lebih teruk.

Jika perkara ini berlanjutan, maka jalan terakhir adalah berjumpa doktor bagi mendapatkan rawatan.

Namun begitu, masyarakat sering kali beranggapan jika penghidap kencing manis yang mengalami luka berjumpa dengan doktor, maka jalan terakhir untuk sembuh adalah dengan memotong kaki.

Dikatakan lebih daripada 70 peratus pemotongan kaki terjadi terhadap pesakit yang menghidap diabetes di seluruh dunia.

Persepsi sebegini sebenarnya menguji kesabaran pesakit untuk bertahan dan akhirnya berputus asa lalu menerima hakikat yang kaki mereka perlu dikorbankan, walhal masih berpotensi untuk pulih.

Kebanyakan mereka enggan berjumpa doktor kerana memikirkan perancangan pada masa akan datang jika kaki telah dipotong.

Ini bakal memberikan perubahan besar kepada keadaan sosioekonomi, kualiti penjagaan makanan dan keyakinan diri sehingga menyebabkan mereka menangguhkan hasrat untuk mendapatkan rawatan pakar.

Melihat keadaan ini, Pakar Perunding Pakar Bedah, Ketua Unit Trauma, Unit Kaki dan Buku Lali dan Perkhidmatan Jagaan Kaki Diabetik, **Prof. Madya Dr. Mohd. Yazid Bajuri** mengambil inisiatif mewujudkan sebuah petempatan khas wad Jagaan Kaki yang dirasmikan oleh Pengerusi Wakaf Selangor Muamalat, Tan Sri Abdul Rahman Arshad baru-baru ini.

Menurutnya, wad Jagaan Kaki yang ditempatkan di Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) UKM, Kuala Lumpur ini dilihat lebih komprehensif kerana tidak bercampur dengan wad-wad sedia ada.

Jelasnya, mereka yang pernah mengalami komplikasi yang melibatkan kaki sehingga dimasukkan besi lebih berpotensi untuk mendapat jangkitan kuman, manakala mereka yang menghidap diabetes berkemungkinan 25 kali ganda akan kehilangan kaki berbanding yang tidak menghidap penyakit tersebut.

Selain itu, wad penjagaan kaki ini juga bertujuan untuk penyelidikan. Ini kerana data boleh dikumpulkan bagi rujukan doktor-doktor mengetahui peratusan pesakit yang telah sembuh dan kaki yang telah dapat diselamatkan.

"Saya ingin membuang persepsi masyarakat tentang perkaitan masalah diabetes dengan potong kaki selain mendidik penuntut-penuntut sarjana dalam bidang ortopedik dan traumatologi



DR. MOHD. YAZID BAJURI

dalam prosedur perawatan penjagaan kaki dan buku lali agar tidak mudah melatah segera memotong kaki pesakit diabetes tanpa cuba untuk menyelamatkan kaki mereka terlebih dahulu," katanya.

Kerjasama antara Jabatan Ortopedik HCTM, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Berjaya Holding itu dilihat dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan perawatan kepada masyarakat dan mengurangkan amputasi bagi pesakit diabetes dengan rawatan sewajarnya.

Pada peringkat permulaan, wad ini hanya menempatkan enam buah katil dan akan diperluas pada masa akan datang bagi memuatkan keseluruhan jumlah pesakit diabetes dibuka secara umum.

Rawatan penjagaan rapi yang disediakan adalah termasuk seperti rawatan ulat, rawatan hiperbarik dan rawatan *modern dressing* agar wad ini dijadikan sebagai pusat sehati yang mempunyai perkhidmatan yang lengkap.

Jenis-jenis rawatan yang diberikan meliputi semua masalah yang berkaitan dengan kaki dan buku lali termasuk kemalangan, masalah *charchot foot* dan masalah arthritis. -

NOORHIDAYAH ABDUL LATIF